

D.R. 37/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi enam ratus juta ringgit (\$600,000,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1989, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1989.
Akta A713.
Akta A736.
Akta A745.
Akta A770.
Akta A773.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

RANG UNDANG-UNDANG

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1990.

Akta A744.
Akta A773.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus tujuh puluh tujuh juta dua ratus lima ribu enam ratus ringgit (\$377,205,600) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1990, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	600,000,000
	JUMLAH ..	600,000,000

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	10,423,000
B. 9	Jabatan Perangkaan	9,875,200
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	804,900
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	1,000,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	1,500,000
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	26,417,000
B. 19	Kementerian Pertanian	68,212,900
B. 20	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	4,194,300

PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990) (No. 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 21	Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan	16,000,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	98,771,500
B. 28	Perbendaharaan	1,311,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	8,000,000
B. 30	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	50,000,000
B. 34	Kementerian Kesihatan	37,190,000
B. 36	Polis Diraja Malaysia	28,500,000
B. 42	Jabatan Percetakan Negara	8,983,700
B. 44	Kementerian Penerangan	1,742,100
B. 52	Kementerian Kerja Raya	4,280,000
	JUMLAH ..	377,205,600

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1989 dan 1990 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990, Akta Perbekalan 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990. [PN. (U²) 1640.]